

**TEKS UCAPAN  
YBHG. TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
JABATAN PERDANA MENTERI 2015**

( Teks dibacakan oleh YBhg. Tan Sri Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Ketua-Ketua  
Jabatan dan Agensi di bawah JPM;

Yang dihormati dan diraikan Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan  
Cemerlang JPM bagi tahun 2015; dan

Saudara-Saudari, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di pagi yang mulia ini kita semua diberi kesempatan untuk bersama-sama bertemu dan berhimpun di **Majlis Perasmian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2015** yang diadakan khusus untuk meraikan pegawai-pegawai cemerlang Jabatan Perdana Menteri.
2. Sesungguhnya kehadiran dan komitmen semua pada hari ini jelas menunjukkan bahawa kita adalah satu, bersama-sama memacu perjalanan untuk merealisasikan misi dan visi Jabatan Perdana Menteri (JPM). Wadah pertemuan yang sebegini amatlah baik dan wajar dimanfaatkan sepenuhnya sebagai platform untuk kita berinteraksi, serta saling kenal mengenali di antara satu sama lain di bawah satu keluarga besar JPM, selain menghargai seluruh warga JPM termasuk Jabatan dan agensi di bawahnya.
3. Syabas dan tahniah kepada Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia, JPM selaku urusetia kerana berjaya meneruskan tradisi untuk menggabungkan beberapa Jabatan/Agenzi di bawah JPM untuk melaksanakan majlis ini di samping penganjuran pameran oleh Jabatan/Agenzi JPM. Pengendalian majlis kali ini melibatkan gabungan kerjasama **tujuh (7) Jabatan/Agenzi dan kelab iaitu :**
  - a) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
  - b) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR);
  - c) Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH);
  - d) Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa (BIUPA);
  - e) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
  - f) Bahagian Pwngurusan Acara; dan
  - g) Kelab Bukit Perdana

di samping penyertaan sebanyak **tujuh puluh (70) buah Jabatan/Agensi**. Pendekatan kerjasama berkonsepkan NBOS ini secara tidak langsung dapat mengoptimumkan perbelanjaan sektor awam khususnya dalam penganjuran majlis rasmi. Saya difahamkan penjimatan sebanyak **RM126,950.00 atau 60.4%** telah dapat dicapai bagi penganjuran majlis ini berbanding tahun lepas. Sehubungan itu, saya berharap amalan penjimatan ini dapat diteruskan dan dicontohi oleh Kementerian/Jabatan lain.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

4. Kerajaan sentiasa komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam dengan menyediakan pelbagai anugerah atau ganjaran. Melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini sekali gus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang relevan dan diyakini oleh rakyat, serta menepati kehendak dan ekspektasi mereka. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua pegawai dan kakitangan untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

Justeru, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada **seribu lapan ratus lapan puluh satu ( 1,891 )** orang **warga cemerlang Jabatan Perdana Menteri daripada 70 Jabatan/Agensi/Bahagian** yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun 2015.

5. Selain dari itu, pada hari ini, JPM juga akan menyampaikan **Sijil Penghargaan JPM 2015** kepada warganya yang layak. Jabatan Perdana Menteri merupakan antara Kementerian yang turut memberi pengiktirafan dan

penghargaan kepada pegawai kontrak yang tempoh perkhidmatannya tidak membolehkan pegawai tercalon menerima APC, tetapi mereka telah menunjukkan prestasi kerja dalam perkhidmatan awam dengan cemerlang serta komitmen yang tinggi di samping memberikan sumbangan yang signifikan kepada Jabatan. Untuk ini mereka akan diberikan Sijil Penghargaan JPM 2015, penghargaan yang mula dikenalkan sejak tahun 2012. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua penerima anugerah ini.

6. Seperti mana tahun-tahun sebelum ini, untuk majlis tahun ini sekali lagi kita memilih **seorang penerima terbaik ( best of the best )** di kalangan penerima anugerah APC 2015 untuk menerima **Anugerah Khas JPM 2015**. Anugerah khas ini diberikan kepada pegawai-pegawai JPM yang telah menerima lebih daripada tiga kali Anugerah Khidmat Cemerlang di sepanjang perkhidmatannya. Penerima anugerah ini juga akan dinilai dari segi aspek kewibawaan, keterampilan dan penglibatan dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan Negara.

7. Semoga dengan pengiktirafan ini akan membangkitkan lagi semangat mencurahkan bakti kepada Negara dan meningkatkan azam untuk bertugas dengan lebih gigih dan penuh iltzam pada masa akan datang bagi menaikkan lagi imej JPM di peringkat Kebangsaan mahupun di peringkat Global. Jadikanlah anugerah ini sebagai titik tolak untuk kita terus memacu pencapaian JPM serta perkhidmatan awam dengan lebih terkemuka setanding dengan pencapaian anggota perkhidmatan awam di negara-negara maju. Namun, apa yang lebih penting, mereka yang terpilih sebagai penerima anugerah ini seharusnya menjadi *role model* kepada yang lain untuk terus berusaha dengan gigih agar matlamat yang disasarkan tercapai.

**Para hadirin yang dikasihi sekalian,**

8. Suka juga untuk saya mengingatkan bahawa pemberian anugerah sebegini bukan hanya sebagai pendorong dan pengiktirafan kepada pegawai dan

kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas lagi, anugerah ini menjadi penggerak transformasi dan peneraju perubahan positif dalam membudayakan kecemerlangan.

Cemerlang bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi juga perkhidmatan yang bersih dan berintegriti.

Sebagai jentera kerajaan yang berperanan melaksana segala dasar-dasar dan keputusan kerajaan, pegawai awam perlu menumpukan seluruh usaha dan tenaga ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif, efisien, berkualiti, telus, mendahului dan mementingkan rakyat dan pelanggan bagi memastikan kejayaan matlamat kerajaan. Perkhidmatan awam yang sentiasa dekat dengan rakyat perlu dilihat sebagai satu perkhidmatan yang sentiasa bersih dan menjadikan integriti sebagai teras utama dalam setiap praktisnya.

Sehubungan itu, budaya kerja yang menggabungkan disiplin, tanggungjawab, integriti dan kebertanggungjawapan serta menjaga kerahsiaan mesti menjadi jati diri setiap penjawat awam agar menjalankan tugas dengan jujur dan telus di samping perlu juga diterapkan elemen sentuhan kemanusiaan bagi menangani dan menyelesaikan kes-kes tertentu.

9. Sebenarnya perkhidmatan awam di Negara kita sudah ada sistem dan prosedur yang amat sistematik , termasuk prosedur perolehan , begitu juga dari segi penguatkuasaan undang-undang. Undang-undang sedia ada juga mencukupi untuk mengekang sebarang bentuk penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Maka, jika ada mana-mana penjawat awam yang menyalahgunakan kedudukan atau kuasa untuk mengeksplorasi kelemahan yang terdapat dalam prosedur untuk keuntungan peribadi, pasti tidak akan terlepas dari diambil tindakan yang sewajarnya dan saya tegaskan bahawa kita tidak akan sesekali berkompromi dengan mana-mana pegawai awam yang terlibat dengan salah laku atau salah guna kuasa. Keseriusan kerajaan dalam meningkatkan integriti dan mengekang

## Teks Ucapan KSN-APC 26.4.2016

jenayah rasuah di kalangan pegawai awam jelas menerusi pelaksanaan pelbagai dasar dan program yang diperkenalkan termasuk dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dengan sebanyak 27 inisiatif telah dan sedang dilaksanakan dengan giatnya menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA Berkaitan Rasuah di samping tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terbabit dengan salah laku tersebut.

Harapan saya agar setiap warga JPM dapat menjaga disiplin diri serta imej dan nama baik Jabatan masing-masing dari sebarang isu dan tanggapan negatif rakyat lebih-lebih lagi dalam mengharungi zaman yang semakin moden dan mencabar ini. Berikanlah perkhidmatan yang terbaik yang boleh tuan/puan tunjukkan kepada rakyat kerana hanya dengan berbuat demikian sahaja Perkhidmatan Awam Negara akan lebih dipandang tinggi dan dipercayai oleh rakyat.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,**

10. JPM sebagai sebuah Jabatan penanda aras dalam sistem penyampaian perkhidmatan sokongan dan tadbir urus terbaik sektor awam di negara ini mesti menjadi penggerak dalam arus pemodenan dan transformasi Negara. **Warga kerja yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang menjadi aset penting** ke arah mewujudkan Perkhidmatan Awam yang produktif dan berkualiti. Bagi mencapai kecemerlangan, nilai kualiti haruslah diutamakan di semua peringkat dan pada setiap masa. Budaya ini akan dapat dicapai dengan meningkatkan motivasi, produktiviti dan kecekapan anggota perkhidmatan JPM dengan memberi galakan dan pengiktirafan yang berterusan. Kita perlu bersaing meneruskan usaha-usaha adaptasi positif, kreativiti dan inovasi baru. Sebagai contoh, tabiat suka membaca juga dilihat sebagai suatu sumber bagi mendapatkan ilham,

merangsang cetusan idea baharu dan menggalakkan kita berfikir dalam usaha untuk memajukan diri dan organisasi kita.

11. Baru-baru ini saya telah melancarkan Kempen Derma Bahan Bacaan - Program ‘Take A Break....Read! @Putrajaya 2016: A Book Alive’ yang mensasarkan 15,000 buku sumbangan dari penjawat awam. Program ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian ilmu serta budaya membaca dari kalangan rakyat Malaysia, selain menonjolkan sikap prihatin penjawat awam untuk menyumbangkan bahan-bahan bacaan, samada yang baru atau terpakai kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti perpustakaan, sekolah dan sebagainya terutamanya di kawasan pendalaman. Jadi, saya menyeru supaya warga JPM memberikan sokongan yang padu dan mengambil peluang yang baik terhadap kempen ini .

12. Saya kira tidak terlewat jua bagi saya untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri yang berjaya sekali lagi meneruskan tradisi kecemerlangan dengan menerima pelbagai pengiktirafan dan anugerah sepanjang tahun 2015. Antara kejayaan yang dicapai oleh JPM ialah:

- I. **Pencapaian 5 bintang dalam Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam (Kategori Kementerian) Tahun 2015/2016;**
- II. **Pencapaian 4 Bintang dalam Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Tahun 2014;**
- III. **Anugerah High Qlassic Achievement Award & The Best Qlassic Achievement Kategori Non Residential Untuk Projek Pembinaan Pejabat Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA);**
- IV. **Malaysia Book Of Records : *The 1st Asean Civil Services Games (ACSG)*;**

13. Tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada anda semua di atas kejayaan ini dan saya amat berharap agar kejayaan dan kemerlangan ini akan

Teks Ucapan KSN-APC 26.4.2016

dapat terus dikekalkan untuk masa yang akan datang. Ini semua membuktikan bahawa semua lapisan pegawai di JPM telah berjaya menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan.

14. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Perdana Menteri Tahun 2015. Tidak lupa juga kepada pihak urusetia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar. Teruskan budaya kecemerlangan seperti ini demi nama dan imej Jabatan Perdana Menteri pada masa akan datang, InsyaAllah.

Dengan lafaz *Bismillahhirohmannirahim*, **saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM Tahun 2015.**

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*